



Headline: Doktor ditipu Macau Scam RM71,000
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 30 September 2018

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 50

Doktor ditipu Macau Scam RM71,000

Kuantan: Seorang doktor wanita kerugian RM71,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam, kononnya mangsa memiliki tunggakan hutang pinjaman bank, Rabu lalu.

Mangsa yang berusia 50 tahun sebelum itu dihubungi individu menyamar kakitangan bank dan pegawai polis, memintanya membayar hutang berkenaan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata mangsa menafikan pernah membuat pinjaman atau berhutang, tetapi kemudian dikatakan terbabit dalam kes pengubahan wang haram dan dadah menggunakan akaun miliknya.

“Bagi mengelak wang simpanan mangsa kononnya dibekukan, dia diminta memindahkan wang ke dalam dua akaun diberikan suspek.

“Susulan itu, mangsa kemudian memindahkan semua wang simpanannya berjumlah RM71,000 ke dalam dua akaun diberikan suspek,” katanya di sini, semalam.

+ Mohd Wazir berkata, hanya selepas membuat pindahan wang berkenaan, mangsa menyedari dirinya ditipu dan membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan sabit kesalahan boleh dipenjarakan maksimum 10 tahun serta sebat dan boleh dikenakan denda,” katanya.